



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	03/06/2012

## Kebebasan mutlak tidak menjamin kemajuan ekonomi, politik negara

Kualiti moral Barat pupus akibat demokrasi liberal keterlaluan

ASIA atau lebih spesifiknya Asia Timur dilihat berkembang secara luar biasa dalam pertumbuhan ekonomi, pembasmian kemiskinan dan kemakmuran sejak tiga dekad lalu. Tiada perbandingan sejak dulu. Bagaimana Tun melihat perkembangan ini?

Semua ini sebenarnya model. Selepas perang, Jepun pulih dengan cepat dan ia disedari oleh negara lain di Asia Timur. Permasalahannya jika Jepun boleh melakukannya, kenapa tidak kita. Isu ini dibangkitkan oleh semua negara Asia Timur. Mereka kemudian memutuskan bahawa mereka perlu menggunakan model Jepun, iaitu dengan mengimport bahan mentah, menambah nilai dan kemudiannya mengekspor.

Anda boleh lihat, sebahagian besar negara Asia Timur mengguna pakai idea mengimport bahan mentah, memproses dan menambah nilai sebelum mengekspornya, bergantung pada pasaran demi mencapai kemajuan. Jepun, Korea, Taiwan, Asia Tenggara dan China mengguna pakai strategi sama. Mereka bergantung pada pasaran eksport. Ia memberi kemajuan kepada negara kerana mampu bersaing dengan Barat dari segi harga dan kemudiannya dari segi kualiti.

Namun, kita lihat wujudnya kekurangan besar dalam amalan demokrasi, hak asasi manusia, kedaulatan undang-undang, keamanan dan kestabilan di kebanyakan negara Asia. Apa yang tidak kena dengan tadbir urus di negara ini?

Jika anda lihat negara ini dan membandingkannya dengan Barat, memang betul ia berlaku. Tetapi jika anda lihat dan bandingkan dengan situasi terdahulu di negara berkenaan, anda akan melihat mereka sudah mencapai kemajuan dalam semua bidang. Mereka lebih terbuka, lebih liberal, kurang autoritarian termasuk di China. Kita tidak boleh bandingkan Asia Timur dengan Eropah dan Amerika Syarikat.


Negara berkenaan menjadi demokratik lebih awal dan keadaan mereka membolehkan mereka menjadi lebih liberal. Sebagai contoh, mereka sudah tidak mengendahkan soal agama. Negara Asia Timur masih kuat pegangan agamanya. Oleh itu kita tidak seharusnya mengukur diri kita dengan keadaan liberal di Barat.

Kita seharusnya mengukur diri dengan masa lampau, iaitu apa yang kita capai selama ini? Jika anda lihat pada aspek itu, anda akan lihat setiap negara di Asia Timur sudah mencapai kemajuan pesat dan bersikap lebih liberal terhadap sistem demokratiknya, lebih demokrasi, kerajaan yang lebih terbuka, perubahan dalam kepemimpinan. Ini semua tidak ada sebelum ini, tetapi sekarang ia wujud. Kejayaan ini adalah perubahan ke arah masyarakat lebih terbuka.

Ada pihak menghubungkan kaitan antara pembangunan dan demokrasi. Mereka menyatakan negara paling kaya di dunia adalah juga yang paling demokratik. Namun, pengalaman negara Asia menunjukkan bahawa ini tidak selalunya begitu. Justeru, pada pandangan Tun, dalam keadaan bagaimanakah demokrasi dan pembangunan memperkukuhkan antara satu samalain?

Saya berpendapat pembangunan di Barat sukannya disebabkan demokrasi. Di Barat, merekalah yang paling tidak demokrasi.

**TUN Dr Mahathir Mohamad berpendapat kebebasan memang baik tetapi kebebasan tanpa kemajuan tidak memberi apa-apa kebaikan kepada sesiapa. Anda boleh mempunyai sebanyak mungkin kebebasan tetapi negara tidak akan membangun. Negara Timur memikirkan kebijakan masyarakat majoriti tetapi Barat memikirkan kebijakan dan hak individu. Ini dua nilai berbeza. Ikuti temu bual eksklusif wartawan Berita Minggu, MIOR KAMARUL SHAHID dan wartawan New Sunday Times, KAMRUL IDRIS dengan bekas Perdana Menteri itu minggu lalu selepas Persidangan Meja Bulat Asia Pasifik Ke-26 anjuran Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS) di Kuala Lumpur.**



*" Negara berkenaan menjadi demokratik lebih awal dan keadaan mereka membolehkan mereka menjadi lebih liberal. Sebagai contoh, mereka sudah tidak mengendahkan soal agama. Negara Asia Timur masih kuat pegangan agamanya. Oleh itu, kita tidak seharusnya mengukur diri kita dengan keadaan liberal di Barat "*

Mereka menakluk dunia. Mereka mengaut kekayaan dunia dan menjadi kaya. Itu bukannya demokrasi sama sekali.

Jika kita boleh menakluk Eropah contohnya, dan menjadikan orang Eropah sebagai pekerja, hamba, untuk mengeluarkan barangan, kita juga boleh jadi kaya. Tapi sudah tentunya cara itu bukan cara kita.

Kita menjadi lebih maju bukan disebabkan demokrasi tetapi disebabkan keinginan untuk bersaing dengan Barat. Satu masa dulu, kita ditindas oleh Barat. Kita mahu bebas daripada penindasan itu, kita ingin menunjukkan bahawa kita juga sebaik mereka. Dan ini yang kita sudah lakukan. Ia bukannya demokrasi.

Ia adalah keinginan untuk bersaing dengan Barat dan untuk memastikan kita tidak lagi dipandang rendah dan ditindas oleh Barat.

Tun pernah menyanjung nilai orang Asia. Malah Tun juga pernah menyatakan bahawa ia lebih baik berbanding dengan nilai Barat. Adakah Tun masih berpegang pada pandangan sama. Bagaimana nilai orang Asia berbeza dengan nilai Barat?

Sekarang lagi teruk kerana kita lihat kegagalan di Barat. Dan kita lihat Timur semakin meningkat. Apakah nilai sebenar negara Barat? Kita bercakap soal kebebasan dan sebagainya, memang betul, kebebasan itu baik tetapi kebebasan tanpa kemajuan tidak memberi apa-apa kebaikan kepada sesiapa.

Anda boleh mempunyai sebanyak mungkin kebebasan tetapi negara tidak akan memba-

ngun. Sebaliknya di Timur, kita memikirkan mengenai kebijakan masyarakat majoriti. Mereka pula memikirkan mengenai kebijakan individu. Individu perlu diberikan haknya. Individu tertentu boleh menunjuk perasaan dan mendakwa negaranya mengeksploitasi pekerja asing dan sebagainya.

Tetapi majoriti tidak melakukannya dan tidak menyatakan begitu. Pandangan mereka berbeza.

Kita menghormati majoriti dan kita lebih demokratik. Masyarakat Eropah mahukan kebebasan supaya ada individu boleh kata dia mahu, untuk cetak apa yang dia suka. Tetapi apabila kita mencetak bahan yang menyinggung masyarakat majoriti, mereka mahu ia dibenarkan, tetapi kita tidak.


Sebagai contoh, seorang lelaki memutuskan untuk berkahwin dengan seorang lelaki yang lain. Itu hanya membabitkan dua individu dan pihak majoriti perlu menerimanya. Tetapi kita tidak menerimanya. Kita tidak boleh terimanya kerana ia tidak bermoral.

Jadi itulah perbezaan antara apa yang mereka percayai dan apa yang kita percayai. Kita menjaga kebijakan majoriti. Mereka menjaga keperluan individu yang pentingkan diri sendiri.

Adakah demokrasi liberal Barat sesuai untuk Asia?

Adakah demokrasi liberal Barat sesuai untuk Asia?

Tetapi kita tidak boleh ikut semua apa yang mereka lakukan. Mereka mempunyai demokrasi liberal yang keterlaluan, iaitu ke-



KEMAJUAN dan kejayaan yang berjaya dicapai negara kuasa Barat.

bebasan untuk melakukan apa saja yang mereka suka.


Akibatnya, kualiti moral mereka menjadi bertambah buruk dan hampir pupus. Agama mereka menyatakan liwat dilarang seperti juga Islam. Tetapi disebabkan mereka mahu menjadi liberal, sekarang mereka kata boleh. Oleh itu kita tidak boleh ikut mereka. Kita buat pilihan sendiri. Apa yang baik untuk kita, kita ambil, apa yang buruk, kita tolak.

Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan orang awam sering mengur tadbir urus kerajaan yang lemah. Kenapa tidak masyarakat awam juga perlu dipertang-



PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	03/06/2012



membuktikan kita mampu bersaing dengan

gungjawab mengenai mutu tadbir urus yang baik?

**Y**a, saya fikir mereka patut! Tetapi yang pastinya, andainya mereka membentuk kerajaan, mereka lebih teruk lagi berbanding kerajaan (yang ada). Mereka mengamalkan nepotisme dalam kolompok mereka sendiri.

Tun dilihat sebagai pejuang kebebasan internet dan menentang sebarang bentuk penapisan di ruang siber ketika Tun masih berkuasa. Tidakkah Tun terfikir terdapat terlalu banyak bahan di internet yang melampaui batas seperti tuduhan liar dan tidak berasas, fitnah, kurang beretika,

*"Akibatnya, kualiti moral mereka menjadi bertambah buruk dan hampir pupus. Agama mereka menyatakan liwat dilarang seperti juga Islam. Tetapi disebabkan mereka mahu menjadi liberal, sekarang mereka kata boleh. Oleh itu, kita tidak boleh ikut 'mereka. Kita buat pilihan sendiri. Apa yang baik untuk kita, kita ambil, apa yang buruk, kita tolak"*

pornografi dan sebagainya dan masalah ini perlu diperbetulkan sebaik mungkin demi kepentingan keadilan, etika dan moral. Adakah sekurang-kurangnya perlunya peraturan sendiri seperti kod perlakuan?

**A**pabila saya menyatakan tidak harus ada penapisan di internet, saya benar-benar tidak menyedari kuasa internet, kuasa untuk menurunkan nilai moral, kuasa untuk menimbulkan masalah dan kemarahan.

Moral anak muda kita kini terjejas kerana adanya kemudahan untuk mengakses pornografi yang mana sebelum ini majalah dan semua itu dilarang daripada memasuki negara ini.


Sekarang ia terlalu mudah serap sehingga kita tidak boleh menghalang bahan ini daripada memasuki negara kita. Oleh itu kita perlu memikirkan semula kebebasan mutlak yang diberikan kepada internet.

Negara harus dibenarkan untuk mencari jalan menapis kekotoran yang masuk menerusi internet. Sudah tentunya jika boleh ada kawalan, memang baik. Tetapi jika peraturan itu dilanggar, perlu ada kuasa untuk menguat kuasa dan menghukum.


Tun pernah menjuarai usaha untuk melindungi dan menggalakkan kepentingan bersama negara Asia Timur terutama apabila Pusingan Uruguay tidak menampakkan sebarang perkembangan. Terdapat kritikan keras dan tentangan daripada beberapa negara berkuasa ketika itu. Adakah Tun berpuas hati dengan kemunculan proses ASEAN Campur Tiga? Adakah Tun melihat Sidang Kemuncak Asia Timur sebagai pelengkap ASEAN Campur Tiga atau sebagai menjejaskannya

**S**ilahkan kes di mana Barat tidak melaksanakan apa yang mereka dikatakan. Mereka bercakap mengenai kebebasan. Tatkala Eropah boleh menganggotai Kesatuan Eropah dan Amerika boleh membentuk NAFTA (Perjanjian Perdagangan Bebas Amerika Utara), pemimpin Amerika terutama Baker (bekas Setiausaha Negara Amerika, James Baker) cuba pula menghalang negara Asia Timur daripada berbincang antara satu sama lain.

Beliau memberitahu ahli perniagaan Jepun dan Korea supaya tidak bergabung dengan projek ini. Ini salah sama sekali. Ia adalah penindasan antarabangsa. Ini adalah tindakan membuli yang dilakukan oleh Amerika. Saya tidak pernah rasa bersalah apabila memperkatakan isu ini. Saya memperkatakan yang



*"Kita menjadi lebih maju bukan disebabkan demokrasi tetapi disebabkan keinginan untuk bersaing dengan Barat. Satu masa dulu, kita ditindas oleh Barat. Kita mahu bebas daripada penindasan itu, kita ingin menunjukkan bahawa kita juga sebaik mereka. Dan ini yang kita sudah lakukan. Ia bukannya demokrasi"*



sebenarnya. Ini adalah dasar Amerika.

Amerika adalah pembuli antarabangsa dalam kes ini. Kenapa tidak boleh kita berbincang sesama sendiri. Sedangkan mereka boleh? Apabila (bekas Presiden Korea Selatan) Kim Dae Jung memutuskan bahawa kita perlu ada ASEAN Campur Tiga, ia adalah ibarat Komuniti Ekonomi Asia Timur.

Ia adalah satu langkah kecil ke depan. Saya berpendapat ia patut dijadikan gagasan Komuniti Ekonomi Asia Timur yang boleh mengadakan mesyuarat secara tetap, bukannya membentuk sebuah kesatuan seperti di Eropah atau juga NAFTA, tetapi bagi cuba membantu satu sama lain dalam usaha mengatasi ancaman yang berasaskan idea yang datang dari Amerika dan Eropah.

Apakah, pada pandangan Tun, cabaran terbesar yang dihadapi oleh tadbir urus negara Asia?

**I**a berkaitan dengan tahap pengetahuan mengenai sistem demokrasi di Asia. Mereka hanya tahu mengenai kebebasan. Tetapi mereka tidak tahu mengenai batasan kebebasan. Mereka tidak mempunyai banyak pengetahuan mengenai tanggungjawab yang datang ber-

sama kebebasan.

Itu menjadikannya lebih sukar bagi kita untuk melaksanakan demokrasi dengan secara berkesan tanpa menjejaskan diri kita sendiri.

Bagaimana Tun melihat perkembangan kebangkitan Arab sekarang. Bagaimana boleh ia menjejaskan ekonomi, masyarakat, tadbir urus dan keselamatan di Asia Barat?

**A**pabila orang mempunyai satu niat, seperti tujuan untuk mendapatkan kemerdekaan, umpamanya, mereka akan bersatu. Dalam kes ini, mereka bersatu kerana tidak suka pada kerajaan yang sedia ada.

Tetapi apabila mereka sudah mencapai perkara yang dikehendaki, kini timbul pula masalah pengganti. Di sinilah akan wujud kurang perpaduan kerana objektifnya sudah berlain.

Atas sebab demikian, mereka tidak boleh mendapatkan kerajaan yang diingini. Akan berlaku banyak ketidakstabilan untuk tempoh yang lama, sehingga mereka lebih matang dan memahami batasan demokrasi, sejauh mana mereka boleh pergi dan tanggungjawab yang harus dipikul oleh rakyat.